



Rujukan Kami : KPM.600-14/1/20 Jld. 12 (22)
Tarikh : 14 Februari 2017
17 Jamadilawal 1438 H

Pengarah Urusan
Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd. (791370-A)
100-1, Jalan 2/23A,
Taman Danau Kota,
53300 Kuala Lumpur

Tuan,

PENGANJURAN PERTANDINGAN *BEAVER COMPUTATIONAL THINKING COMPETITION* DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH MALAYSIA.

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meneliti permohonan **Penganjuran Pertandingan *Beaver Computational Thinking Competition* di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Malaysia**. KPM tiada halangan untuk pihak tuan menganjurkan pertandingan berkenaan **secara terbuka** kepada murid-murid sekolah dan bersedia bekerjasama untuk kelancaran program tersebut.

3. Walau bagaimanapun, penganjuran pertandingan tersebut adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 – Ruj. KP(BS)8691/Jld.XVIII/(9) bertarikh 16 September 2004** – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

4. Sehubungan itu, pihak tuan hendaklah mengambil maklum dan mematuhi peraturan-peraturan berikut:

- 4.1 program yang dilaksanakan hendaklah tidak bertentangan dengan semua dasar kerajaan dan dasar KPM;
- 4.2 kebenaran daripada Pengarah JPN dan Pengetua/ Guru Besar hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum mengadakan sebarang program di sekolah atau yang melibatkan penyertaan guru dan murid;
- 4.3 penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;




- 4.4 setiap murid perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa melalui Pengetua dan Guru Besar masing-masing;
- 4.5 pihak penganjur diminta mengadakan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kebajikan murid-murid sewaktu program berlangsung;
- 4.6 tempat yang dipilih untuk mengadakan program telah dikenalpasti selamat dan bersesuaian dengan program
- 4.7 guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti dan
- 4.8 tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN dan PPD yang terlibat dengan pelaksanaan program yang dijalankan.

5. Pihak tuan juga adalah diminta untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai untuk tujuan rekod dan rujukan. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas 31 Disember 2017.

Sekian.

'SEHATI SEJIWA'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM'

Saya yang menurut perintah,



(ROZAINUM AHMAD)

Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- s.k.
1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
 2. Pengarah Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri